

NO. SOALAN: 284

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI**

**RUJUKAN : 10419**

**SOALAN:**

**Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari [Setiawangsa] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah individu yang dilarang memasuki negara ini sehingga suku ketiga 2017 ini dan apakah punca mereka-mereka ini dilarang daripada memasuki negara.**

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Statistik dari 1 Januari hingga 30 September 2017 mencatatkan seramai 194,369 orang warganegara asing dari pelbagai negara telah dilarang masuk ke Malaysia kerana pernah disabitkan dengan kesalahan-kesalahan imigresen, imigran larangan dan kesalahan-kesalahan jenayah yang dirujuk oleh agensi-agensi penguatkuasaan yang lain.**